

18 DEC 1997

KONSORTIUM PERKAPALAN TIDAK TERJEJAS DGN KEJATUHAN NILAI RINGGIT

PETALING JAYA, 18 Dis (Bernama) -- Konsortium Perkapalan Bhd, pemberi khidmat logistik bersepadu, tidak menjangka penyusutan nilai ringgit akan memberi kesan teruk kepada prestasi pengendaliannya tahun ini, kata pengerusi eksekutif kumpulan, Mirzan Mahathir.

"Kami berurusan dalam mata wang ringgit dan tidak terjejas dengan penyusutan nilainya berbanding dolar Amerika," katanya hari ini.

"Pembelian kenderaan kami juga dibuat dalam mata wang ringgit," katanya kepada pemberita selepas menandatangani perjanjian kontrak pergudangan dan pengedaran untuk Compaq Computer (M) Sdn Bhd di sini.

Walaupun Konsortium Perkapalan telah mengalami kejatuhan dalam jumlah trafik "dalam sesetengah sektor, prestasi kami terus kukuh dengan sejumlah besar perkongsian pasaran dalam pergerakan kontena dan perniagaan pengedaran," katanya.

Mirzan berkata syarikat itu kini sedang bersiap sedia ke arah mengadakan perkhidmatan yang baik kepada para pelanggannya dengan membentuk perikatan perniagaan dengan syarikat-syarikat yang memerlukan pengiriman produk bertepatan masa.

Ia termasuk kontrak RM1.2 juta dengan Compaq Computer dan syarikat multinasional yang lain, he said.

Dalam kontrak dengan Compaq Computer, Konsortium Perkapalan akan mengendalikan pergerakan komputer dan alat ganti dari kilang Compaq Computer di Yishun, Singapura ke rangkaian pengedaran dan rakan niaganya di Semenanjung Malaysia.

Ianya boleh dikembangkan ke Sabah dan Sarawak pada masa depan, tambah Mirzan.

Pengarah urusan Compaq Computer, Wong Chun Fong, yang menandatangani kontrak itu bagi pihak syarikatnya, berkata kerjasama dengan Konsortium Perkapalan akan membolehkan syarikat itu menawarkan perkhidmatan lebih baik kepada para pelanggannya.

Penubuhan Pusat Pengedaran Alat Ganti Compaq di Petaling Jaya di bawah kontrak itu akan melengkapi pusat-pusat Compaq Care di Pulau Pinang, Johor Baharu dan Kuala Lumpur.

Beliau berkata walaupun dalam keadaan ekonomi semasa, perkongsian pasaran syarikat itu telah berkembang kepada 11.1 peratus dalam suku ketiga 1997 daripada tujuh peratus dalam suku kedua. -- BERNAMA

AD SIA